

BAB 2 TENUNAN MELAYU PANTAI TIMUR

2.1 Definisi Tenunan

Tenunan berasal dari perkataan tenun (Perbuatan): merupakan satu kaedah penghasilan fabrik yang melibatkan bahan asas dan peralatan yang digerakkan oleh tenaga dan daya fikir manusia. Satu proses menyilang (menganyam) benang (*yarn*), tali dan sebagainya (bahan) di bawah ketegangan yang khusus dengan menggunakan sejenis alat yang dipanggil kek (*loom*) dibantu oleh peralatan-peralatan yang lain bagi menggerakkan proses menenun (Lendi, 1985). Kaedahnya ialah dengan menyilang benang ‘*weft*’ dengan benang ‘*warp*’ pada sudut-sudut tertentu untuk membentuk fabrik atau lebih dikenali dengan ‘*kain*’ di Wilayah Budaya Melayu. Leene (1972), menterjemahkan tenunan (*weaving*) sebagai ‘*two sets of yarn (the warp and the weft), are interlaced in such way that elements pass each other at right angles with one set of elements parallel to the fabric axis*’. Jelasnya tenunan tradisional Melayu melibatkan satu proses penyilangan benang loseng dan pakan untuk menghasilkan kain tenunan tangan melalui kaedah-kaedah tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun.

2.1.1 Hasil Tenun Melayu

Pada asalnya fungsi utama hasil tenunan adalah untuk membuat pakaian sehari-hari yang terdiri dari berbagai bentuk mengikut kaedah dan budaya hidup sesuatu bangsa. Namun perubahan cara hidup dan kemajuan yang dialami oleh manusia telah mempengaruhi gaya hidup dalam kehidupan sehari-hari iaitu seperti

keinginan menghias diri, rumah dan persekitaran mereka. Hasil tenunan tidak lagi terhad pada pakaian sahaja malah dipelbagaikan dengan menjadikannya sebagai alat pelengkap serta perhiasan diri dan rumah tangga seperti beg tangan, kasut, alas tilam, langsir, alas meja dan sebagainya seperti dalam plat 1.

Sebaliknya kini fungsinya menjadi semakin mencabar dengan munculnya seni kontemporari yang meletakkannya sebagai satu hasil seni tampak yang didapati dalam bentuk hiasan dinding, arca (*sculpture*) dan sebagainya untuk dihayati khususnya oleh golongan pencinta seni.

2.1.2 Tekstil Melayu Pantai Timur

Tenunan Melayu sejak awal lagi adalah bertujuan untuk membuat pakaian. Peringkat permulaan, reka bentuk tekstil tenunan Melayu sangat ringkas, iaitu berbentuk empat persegi. Pola bentuk awal ini dapat dilihat dalam pakaian awal orang-oarang Melayu Pantai Timur yang memakai tiga keping kain. Kelebaran serta kepanjangannya adalah bergantung pada fungsi gunaan kain tersebut seperti selendang, sarung, setangan atau sebagainya. Akibat dari perubahan gaya hidup telah mempengaruhi cara berpakaian iaitu dari bentuk ringkas kepada lebih lengkap. Penemuan bahan-bahan mentah baru dan penciptaan peralatan yang lebih baik memberi ruang pada penenun menghasilkan tenunan yang lebih lengkap. Di peringkat awal kain yang dihasilkan berwarna putih, kemudian satu warna dan beransur-ansur diletakkan corak. Di Pantai Timur kebanyakkan motifnya terdiri dari flora, berpetak-petak, berjulur dan bersurat. Sekiranya terdapat tekstil yang bermotifkan binatang yang lengkap,

kemungkinan ianya adalah tekstil dari luar atau dibuat sebelum penerimaan Islam oleh masyarakat Melayu. Hakikatnya penenun-pnenun atau pembatik tempatan Pantai Timur kesemuanya adalah terdiri dari orang-orang Melayu yang semestinya beragama Islam serta berpegang kuat pada adat dan budaya setempat.

2.1.3 Bahan dan Peralatan Awal Tenunan

Pada asalnya tenunan yang dihasilkan adalah berasaskan bahan-bahan mentah semulajadi dan peralatan yang digunakan juga adalah dalam bentuk ringkas. Bahan-bahan pewarna berserta bahan-bahan campuran yang lain juga terdiri dari bahan-bahan asli yang didapati dalam lingkungan kehidupan sehari-hari. Pada awal abad ke 19 kemasukan bahan-bahan pewarna kimia (*chemical*) telah melenyapkan penggunaan bahan warna yang asli. Lampiran 1 menunjukkan bahan dan peralatan yang telah digunakan oleh penenun tradisi.

2.2 Struktur Asas Tenunan

Struktur tenunan dapat dijelaskan sebagai satu cara bagaimana benang-benang (*yarn*) pakan dan loseng disusun atur (ditenun) untuk dijadikan kain. Struktur ini akan membentuk satu sistem benang yang bersilang pada sudut yang tetap secara berulang-ulang dalam proses yang sama.

Selain dari jenis serat yang digunakan, struktur tenunannya tidak kurang pentingnya dalam menentukan sifat-sifat kain. Jenis struktur yang digunakan amat mempengaruhi penampilan kain tersebut seperti kehalusannya, kelembutan,

kekerasan, ketebalan, nipis dan kadar pengaliran udara. Miller (1992), menjelaskan:


'The weight, appearance, texture and stability of a fabric depends on the size, thickness, and composition of the yarn in combination with the fabric structure, ie the closeness of the yarns and frequency of interlacings, plus the effect of finishing processes'.

(hlm. 88)

Pada hakikatnya struktur asal tenunan di mana-mana tempat di dunia ini terdapat dalam bentuk yang ringkas iaitu tenunan biasa (*plain weave*). Namun akibat dari perubahan zaman dan kemajuan teknologi telah menghasilkan beberapa kaedah baru dalam pembuatan tekstil ini. Berbagai bentuk struktur tenunan yang lebih rumit seperti '*satin weave*' dan '*twil weave*' yang kemudiannya dapat diolah dalam berbagai corak lagi. Di Tanah Melayu khususnya di Pantai Timur, terdapat tiga jenis struktur asas yang dapat membezakan penampilan kain tenunannya.

2.2.1 Tenunan Biasa (*Plain weave*)

Kain tenunan biasa terbentuk hasil dari jalinan benang loseng dan pakan yang bersilang (bersudut tepat) dalam arah yang berlainan (ilustrasi 1). Struktur asas ini adalah merupakan teknik tenunan yang tertua di Pantai Timur menggunakan kek Siam dengan dua pijak karat yang lebih dikenali dengan 'Kain Tenun'.



Ilustrasi 1 Struktur Jalinan Tenunan Biasa

Bahan asas yang digunakan pada mulanya adalah terdiri dari benang kapas dan disusuli dengan penggunaan benang sutera yang kebanyakannya diwarnakan terlebih dahulu sebelum ditenun dan ada juga dicorakkan setelah ianya sudah menjadi kain. Kaedah pewarnaan benang akan menentukan corak yang dihasilkan pada kain tenun samada kosong, berpetak, berjalur atau bercorak limar. Benang loseng menentukan kepanjangan kain yang hendak ditenun diletakkan pada kayu penggulung dan dibalas dengan benang pakan yang dipintal pada peleting. Beberapa peleting digunakan bergantung pada jumlah warna yang dikehendaki.

Kain tenunan biasanya ditenun di sebelah ‘muka’ yang terbalik (*wrong side*). Struktur benang ditentukan oleh pijak karat dimana dua karat dengan empat tali digunakan beserta dua pijak karat. Struktur tenunan yang ringkas ini tidak banyak perkembangan jenisnya. Manakala perbezaan rupa bentuk dan sifat-sifat kainnya ditentukan oleh jenis benang yang digunakan, ketebalan, jalinan benang samada rapat (*close*) ataupun lebih longgar (*loose*). Kekerapan atau kerengganan benang yang ditenun amat mempengaruhi ketahanan kain yang dihasilkan. Struktur benang yang lebih rapat (dikira dalam inci persegi) menjadikan kain tersebut lebih berkualiti, lebih kuat dan kelihatan lebih halus dan lebih licin permukaannya berbanding dengan struktur tenunan yang kasar.

2.2.2 Pijak Karat (empat, enam atau lapan)

Di Kelantan struktur tenunan jenis ini lebih dikenali dengan ‘Tenun Corak’ yang merujuk pada corak-corak timbul di permukaan kain tenun tersebut. Keseluruhan kain tenunan pijak karat ini membentuk corak permukaan kain yang bertekstur (plat 2). Corak yang timbul di permukaan kain tersebut ditentukan oleh cara karat itu dipijak. Tenunan ini juga menggunakan kek Siam cuma yang membezakannya ialah jumlah karat dan pijak karat yang digunakan iaitu melebihi daripada dua karat seperti karat empat, karat enam dan karat lapan.

Tenunan ini tidak lagi ditemui pada masa ini kecuali di Kelantan yang hanya sebilangan kecil sahaja yang masih mengusahakan kain tenun karat empat yang dipanggil ‘Kain Keruping’ (plat 3). Namun demikian karat enam dan lapan masih lagi boleh ditemui di Selatan Thai. Tenunan yang berstruktur jenis ini mengambil masa yang agak lama untuk menyiapkan sehelai kain sampin berbanding dengan tenunan biasa (*plain weave*). Mungkin ini merupakan salah satu sebab mengapa ianya jarang diusahakan dan ianya juga lebih sukar ditenun yang mana setiap jenis corak yang ditenun mempunyai cara pijak karatnya tersendiri. Menurut Encik Mohamad¹, tenunan ini terlalu rumit dan jika ingin diusahakan semula penenun perlu mempelajari semula corak-corak pijak karat untuk menentukan motif-motif yang diingini. Ini akan mengambil masa yang agak lama untuk memahami dan membiasakan diri penenun dengan berbagai variasi pijak karat tersebut.

Bahan yang digunakan adalah kebanyakannya dari benang kapas, namun ada juga yang dibuat dari benang sutera. Benang emas tidak digunakan kecuali hanya

didapati dalam bentuk selitan yang biasanya ditemui pada selendang yang diselitkan satu atau dua urat benang emas pada permulaan kepala kain (dalam bentuk emas pakan) yang kemudian diikuti dengan tenunan biasa pada kepala kain tersebut (rujuk plat 4). Tenunan karat empat yang masih diusahakan pada hari ini adalah menggunakan benang polyester dan hiasan benang mastuli. Struktur tenunan menggunakan empat karat ini membentuk corak permukaan kain empat persegi berlapis dan corak-corak timbul di permukaan kain seperti keruping.


Biasanya kain tenunan ini digunakan untuk membuat selendang panjang dan ada juga digunakan untuk membuat pakaian tetapi dalam bentuk yang terhad. Sebagai contohnya kain jenis empat persegi berlapis ini digunakan untuk membuat pakaian wanita iaitu kebaya pendek dalam bentuk kain limar (rujuk plat 5). Manakala kain keruping sekarang ini hanya sesuai untuk dibuat sampin sahaja dan tidak praktikal untuk dijadikan baju atau seluar. Struktur benangnya lebih longgar dan bila duduk, kain ini cepat berbulu atau melekat pada badan. Sebaliknya pada zaman dahulu benangnya lebih rapat dan lebih kukuh serta tahan lama yang mana iaanya boleh dijadikan kain sarung dengan berbagai corak timbul di permukaan kainnya (rujuk plat 6). Ragam hias motif yang biasa ditemui ialah dalam bentuk limar (berbunga atau bersurat) kosong dan berpetak.



Plat 1 Berbagai Produk Dari Tenunan




Plat 2 Struktur Corak Timbul Tenunan Karat 4




Plat 3 Struktur Tenunan Keruping



Plat 4 Struktur Selitan Benang Emas



Plat 5 Pakaian Wanita Dari Tenunan Karat 4



Plat 6 Tekstur Reka Corak Timbul Karat 4

2.2.3 Songket

Pada asasnya struktur tenunan ini adalah lanjutan serta hasil perkembangan dari proses tenunan biasa khususnya dalam istana. Ianya merupakan tenunan benang biasa dengan tambahan benang samada dari benang emas, perak atau benang sutera (sutera berapungan di atas tenunan dengan menggunakan benang sutera yang berwarna warni) secara pakan. Penciptaannya lebih rumit terutamanya proses menyolek untuk membentuk motif. Struktur motifnya disusun atur melalui proses menyolek benang loseng yang disusuli dengan proses ikat butang.

Benang-benang tambahan ini membentuk reka corak di permukaan kain yang berfungsi sebagai hiasan. Struktur benang tambahan ini ditentukan sebelum menenun yang dipanggil ‘tekat’. Mengikut Puan Halimatun² biasanya tenunan di Pantai Timur terdiri dari ‘tekat tiga’ atau ‘tekat lima’ sahaja. Proses ini dilakukan dengan mengira benang loseng di mana satu tekatan (tekat tiga) mengandungi tiga benang loseng yang disungkit semasa proses menyolek motif atau lebih dikenali dengan menyolek bunga. Begitu juga dengan songket tekat lima. Kebanyakan tenunan songket di zaman dahulu menggunakan tekad tiga berbanding dengan songket sekarang. Tekatan ini membentuk motif yang lebih menarik dan halus serta memerlukan lebih masa untuk menyiapkan tenunan tersebut. Benang biasa yang digunakan sebagai latar belakang songket ini samada dicelup satu warna sahaja atau melalui proses ikat celup untuk membentukkan corak limar. Kemudian ditambah dengan benang tambahan samada benang emas atau perak mengikut rentak motif limar yang terbentuk hasil dari penemuan benang pakan dan loseng.

2.3 Reka Corak Tenunan

2.3.1 Tenunan Biasa

Kain tenunan biasa merujuk kepada kain tenunan awal yang tidak melibatkan hiasan tambahan atau sebarang teknik menyulam. Pada mulanya adalah kosong dan tidak bercorak khususnya yang diperbuat dari fiber sayuran seperti daun nenas dan kapas serta sutera. Tenunan kapas dipercayai tenunan pertama wujud di Kelantan dalam corak yang sederhana mungkin disebabkan warna-warna yang terbatas. Kemudian berkembang membentuk corak-corak berjulur dan berpetak-petak. Benang-benangnya disusun semasa proses menganing samada benang loseng atau pakan atau kedua-duanya sekali. Kain ini mengalami perubahan akibat kemasukan pengaruh-pengaruh luar seperti teknik ikat celup, bahan-bahan lain serta kemasukan kain-kain dari luar seperti Cindai, kain Aceh serta kain Bugis.

Di Kelantan kain ini lebih dikenali dengan tenun biasa atau tenun balas yang bermaksud ‘membalaskan’ dengan menselang-selikan warna-warna benang. Tenunan ini dapat dibahagikan kepada beberapa jenis.

2.3.1.1 Kosong (Satu warna)

Tenunan ini biasanya dipakai oleh masyarakat biasa terutamanya ditenun dari benang kapas. Ada juga diperbuat dari benang sutera tetapi ianya dipakai oleh golongan tertentu sahaja. Kebiasaanya terdiri dari satu warna sahaja dan warna-

warna yang biasa dipakai ialah hitam, merah, putih dan ungu. Warna ini terbentuk hasil dari penemuan benang loseng dan benang pakan yang sama warna. Sebaliknya jika benang loseng dan pakan berlainan warna, maka kelihatannya baru yang timbul di permukaan kain. Contohnya jika benang loseng berwarna biru dan pakan berwarna merah, warna yang timbul adalah warna ungu (rujuk plat 7 dan 8).

2.3.1.2 Berjalur (*plaid*)

Corak berjalur terbentuk dari susunan benang secara berselang-seli warnanya samada pada loseng sahaja dan benang pakan terdiri dari satu warna atau sebaliknya. Corak ini didapati dalam bentuk jalur menegak atau melintang. Terdapat berbagai saiz jalur yang bergantung pada jumlah benang yang diwarnakan dan susunannya (rujuk plat 9). Corak ini biasanya dijadikan pakaian lelaki.

2.3.1.3 Berpetak-petak (*checked*)

Corak ini dihasilkan dengan menselang-selikan warna benang loseng dan juga benang pakan. Petak-petak akan terbentuk hasil gabungan (pertemuan) benang-benang yang berlainan warna antara loseng dan pakan. Ruang-ruang petak ini akan membentuk warna baru yang dipanggil ‘ragi kain’. Corak petak-petak ini juga dipanggil ‘corak tapak catur’ yang terdapat dalam berbagai jenis iaitu ; Corak Muar, Corak Pahang, Corak Terengganu dan Corak Bugis.

Corak Muar – Corak ini menggunakan warna-warna yang lebih muda dalam bentuk susunan petak dam. Ruang-ruang petakannya lebih besar berbanding dengan corak-corak lain (plat 10a). Manakala warna-warna yang sering digunakan untuk tenunan corak ini adalah kelabu, merah samar, jingga muda, putih, biru laut dan hijau lumut dan kuning susu (Siti Zainon, 1989).

Corak Pahang – Tenunan jenis ini juga menghasilkan susunan berpetak-petak, tetapi petaknya lebih besar jika dibandingkan dengan petak-petak corak Muar. Tenunan ini dipercayai berasal dari Makasar dan dibawa ke Pahang oleh orang besar Pahang Bugis yang bernama Tok Puan atau Keraing Aji yang kemudiannya bermastautin di Kampong Makasar Pahang dalam abad ke 16 (Shafie, 1992). Tenunan semakin berkembang sejak awal 1990an di Pahang setelah setelah penenun-pnenun mempelajari teknik-teknik tenunan di Terengganu yang sangat terkenal dengan kepakaran menenun pada masa itu termasuk jenis ikat. Warna-warna yang biasa digunakan ialah seperti jingga, hijau tua, merah tua dan biji kundang (rujuk plat 10b).

Corak Terengganu – Corak jenis ini didapati dalam bentuk berjalur samada melintang atau berdiri. Corak yang dihasilkan biasanya melintang di bahagian badan kain dan corak berdiri pada bahagian kepala (rujuk plat 10c). Saiz coraknya besar serta menggunakan warna-warna lembut seperti biru muda dan hijau muda.

Corak Bugis – Reka coraknya juga berpetak-petak tetapi dalam saiz yang kecil dan terdapat banyak variasi. Kain ini dipercayai berasal dari Sulawesi dan

dibawa ke Tanah Melayu. Ianya mempunyai bidang yang kecil yang ditenun dengan menggunakan '*back-strap loom*'. Kebanyakannya didapati menggunakan warna natar hijau atau merah (rujuk plat 10d) yang menggunakan benang halus sehingga diperlukan dalam pantun.

Kain baldu kain Makasar (Bugis)

Halus tidak dapat ditenun

Laut Madu bagai bersakar

Haus tidak dapat diminum.

Oleh kerana kain ini bidangnya kecil maka ia digabung dua helai untuk dijadikan pakaian yang dikenali dengan kain berkampuh. Biasanya ia dipakai oleh wanita sebagai kain sarung atau kain kelubung dan lelaki memakainya dengan mengikatnya di pinggang atau pun sebagai sampin.

2.3.1.4 Limar/ cindai

2.3.1.4.1 Cindai

Kain cindai pada asalnya berupa sejenis kain tenunan yang berasal dari Gujarat, India yang dikenali dengan nama '*potolu*' (*plural: potola*) yang dibuat oleh Hindu Salvi. Kain ini dibawa oleh pedagang India Muslim (*Muslim Vohra Community*) ke Asia Tenggara sejak awal abad ke 14 hingga ke awal abad ke 19. Memetik kenyataan dari katalog pameran (Catalogue Universiti Muzium Seni,

1964) menyingkap beberapa keterangan tentang kain patola ini dikenali dengan kain ‘ Cambaya ’. Antaranya :

‘ Bambosa (1516 A.D) Speaks of “ Patolas (that is to say Cambaya Cloth) ”; and Caspar Correa in Lendas da India (1522 A.D) notes “ patolas of silk, which are cloths made at Cambaya that are highly prized at Malacca ’.

(hlm. 11)

Kain Patola merupakan kain sutera sari yang dipakai oleh pengantin. Ianya diperbuat dengan cara ikat celup pakan dan losen sebelum ditenun (*double ikats*). Kemudiannya berkembang di Tanah Melayu, Sumatera, Brunai, Bali, Jawa dan kepulauan lain di Asia Tenggara yang diubahsuai mengikut keperluan tempatan. Mengikut Lynda Lynton (1995), motif kain potola terbahagi pada tiga bentuk utama iaitu:

“(i) purely geometric forms reminiscent of Islamic architectural embellishments and ajrak (complex geometric print designs of the Sind), such as the navaratna bhat (nine jewel design) ;

(ii) Floral and vegetal patterns which, like a former, catered to the needs of the Muslim market which eschewed depictions of animal and people, such as the Vohra bhat (Vohra Community Design.), paan bhat (paan leaf or peepal tree leaf design, figure 20) and Chhabdi bhat floral basket design);

(iii) Design depicting such forms as the nari (dancing women), kunjar (elephant) and popat parrot."

(hlm. 31)

Manakala kain potola yang dibawa ke Asia Tenggara kebanyakannya mempunyai,

"large triangular tumpals resist – dye into the endpiece, a pattern missing from most patola made for the Indian Market."

(Ibid)

Kain Cindai memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu khususnya di Pantai Timur di mana terkenal dengan peristiwa Kain Cindai³ yang berupaya mengubah politik Kelantan pada masa itu. Cindai atau juga dipanggil cindai limar yang dihasilkan dari gabungan benang-benang loseng dan pakan yang diwarnakan melalui proses ikat celup ini berkembang di istana Melayu. Ia hanya boleh ditenun oleh penenun-petenun istana sahaja. Jika dilihat pada kain Cindai/limar, penenunnya amat teliti dan kreatif serta mempunyai kemahiran tinggi di mana ianya melibatkan kepakaran dalam mengatur warna dan menenun. Kebanyakan kain Cindai adalah dihasilkan dengan menggunakan benang sutera dan menggunakan warna asli dari bahan-bahan semulajadi. Warna asalnya terdiri dari lima warna (pakan/loseng) dari India manakala di Tanah Melayu terdiri dari tiga hingga lima warna. Kebiasaannya kain Cindai berwarna coklat perang dan kehitaman (rujuk plat 11).

Cindai amat terhad penggunaannya kerana ianya tidak digunakan untuk membuat pakaian sebaliknya dipakai samada diikat sebagai bengkung (ikat pinggang) atau dalam bentuk berkembang yang merupakan pelengkap pakaian berbanding dengan kain limar. Cindai/limar dipakai oleh golongan bangsawan dan pahlawan yang dipercayai mempunyai kesaktian yang boleh menyelamatkan pemakai dari malapetaka.

Selain daripada itu kain Cindai juga merupakan pakaian adat serta bahan hantaran dalam adat perkahwinan diraja. Di Tanah Melayu, Cindai/limar diperikan dengan bentuk Cindai Betina dan Cindai Jantan. Cindai jantan adalah pendek dan halus serta hiasan bunganya lebih besar dan dipakai oleh wanita. Manakala Cindai Betina lebih panjang ukurannya serta tenunannya agak kasar dengan motif biasa yang lebih kecil (Siti Zainon, 1997).


2.3.1.4.2 Limar

Limar mempunyai ciri-ciri persamaan dengan cindai iaitu ditenun daripada sutera halus melalui proses ikat celup. Proses ikat celup ini kesinambungan dari teknik ikat Campa yang dibawa masuk ke Pantai Timur oleh pedagang dan pendatang Campa. Limar diwarnakan dalam berbagai warna daripada bahan pewarna asli bagi mendapatkan corak-corak yang menarik. Kini limar tidak lagi ditenun kerana ianya memerlukan kepakaran dan kehalusan kerja, meskipun ia ditiru dari kain cindai tetapi limar mempunyai ciri-cirinya tersendiri yang diubahsuai oleh penduduk tempatan mengikut keperluan masyarakat pada masa itu.

Kain limar pada mulanya wujud di istana-istana Melayu sejak Kerajaan Sriwijaya yang ditenun khusus untuk persalinan diraja (Shils Hashim, 1997) dan merupakan pakaian wanita istana yang paling popular pada masa dahulu (Winsted, 1981). Limar juga dikenali dengan kain ‘limau’ kerana corak asalnya yang terbentuk menyerupai pecahan air limau. Selain dari corak tersebut, terdapat juga corak rosak, bunga cuai, bunga bogan serta pecahan-pecahan motif bungaan yang rengkas (rujuk plat 12). Warna-warna yang sering digunakan terdiri dari warna-warna asli sebagaimana warna-warna yang terdapat pada kain cindai, namun limar didapati lebih berwarna garang dan berwarna warni. Antara warna yang sering didapati ialah hijau, jingga, merah samar dan kuning serta saling bertindih. Kombinasi warnanya adalah seimbang membuatkan ia sangat menarik.

Motif-motif yang berbagai corak terbentuk dari penemuan benang-benang loseng dan pakan yang dicelup warna dan ditenun dengan teliti sebagaimana yang dikehendaki. Motif yang bercorak ini didapati sebelum terciptanya Limar bersurat. Biasanya limar satu corak sering didapati pada selendang manakala yang bercorak pecahan-pecahan bunga boleh dijumpai pada semua jenis pakaian seperti sarung, baju, seluar, selendang, kain panjang dan juga kain punca potong. Namun motif kaligrafi Arab hanya didapati dalam bentuk selendang atau kain penutup mayat. Limar bersurat ini didapati selepas kemasukan Islam ke Tanah Melayu yang ditenun di Pantai Timur (rujuk plat 13). Keseluruhan kaligrafi ini terdiri dari Kalimah-kalimah Allah serta Surah-Surah, nama-nama Malaikat atau nama-nama Nabi. Mengikut Encik Mohd. Kamil⁴, pada masa dahulu kain limar bersurat ini digunakan sebagai selendang yang dipakai oleh utusan Raja untuk


menghantar ufti (bunga emas) kepada Kerajaan Siam setiap tahun. Oleh kerana Limar bersurat ini terdiri dari ayat-ayat suci maka sudah tentu ianya tidak sesuai untuk dijadikan pakaian yang berjahit atau dipakai sembarangan. Selain dari itu terdapat juga limar bercorak petak-petak yang berwarna-warni.




Plat 7 Tenunan Kosong Satu Warna



Plat 8 Tenunan Kosong Berlainan
Warna Loseng Dan Pakan




Plat 9 Tenunan Corak Berjalur




Plat 10a Corak Muar



Plat 10b Corak Pahang



Plat 10c Corak Terengganu



Plat 10d Corak Bugis

2.3.2 Songket

Kain ini juga dikenali dengan kain benang emas dan mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat sehingga kini. Sebelum abad ke 19 songket merupakan pakaian khas untuk kaum kerabat diraja sahaja terutamanya dalam adat istiadat pertabalan, perkahwinan, berkhatan atau menghadiri upacara-upacara tertentu. Dipercayai dalam majlis-majlis tersebut kerabat-kerabat diraja sering memperagakan songket agung masing-masing sebagai simbol kebesaran dan kuasa. Pada mulanya ia hanya ditenun oleh penenun-petenun istana sahaja. Songket merupakan perkembangan dari proses tenunan biasa. Penekanan terhadap penghiasan pakan telah menggalakkan penghasilan teknik songket iaitu dengan menambahkan benang emas atau perak. Tenunan benang emas dan songket ini mengindahkan lagi permukaan kain dengan membentuk corak motif yang timbul dan bergemerlapan bila terkena cahaya. Keindahan dan kegemilangan sogket ini sering menjadi kiasan dalam kehidupan seharian yang diabadikan dalam pantun umpamanya :

Kalau Tuan naik ke bukit
Singgah di bawah pohon terap
Tuan umpama benang emas songket
Terang cahaya merelap-relap.

Reka corak songket ini terbahagi pada beberapa jenis mengikut hiasan motifnya, khususnya pada bahagian badan dan kepala kain.

2.3.2.1 Selit Benang Emas

Songket ini juga dikenali dengan beberapa nama seperti hujan emas atau beras patah. Pada peringkat awal, tenunan yang dihasilkan belum lagi menggunakan corak-corak motif atau sebarang bentuk bunga kecuali corak jaluran-jaluran biasa. Kemasukkan benang-benang emas atau perak telah mempengaruhi penenun untuk menambahkan keindahan kain tersebut dengan menyelitkan benang-benang emas atau perak secara sederhana. Benang-benang emas digunakan sekadar menyelitkannya sebagai jaluran tipis atau melintang sahaja (rujuk plat 14). Ini mungkin juga disebabkan benang tersebut agak terhad dan sukar diperolehi serta harganya lebih mahal pada masa itu. Benang-benang emas disungkit samada menyelitnya dalam bentuk berjalur, melintang atau motif-motif kecil bertabur yang membentuk kilauan emas. Kain ini disebut kain hujan emas atau beras patah bersempena dengan kesan kilauan benang-benang emas tersebut.

2.3.2.2 Bunga Penuh

Reka corak ini dikenali dengan songket penuh disebabkan oleh corak motif benang emas memenuhi seluruh kain termasuk badan kepala dan juga kaki kain. Kain ini juga dikenali dengan songket cuban mungkin kerana terlalu kerap cuban berbunga emas digunakan merentasi benang loseng. Reka corak motifnya terdapat dalam berbagai bentuk dan biasanya digunakan motif bunga yang lebih kecil berbanding yang terdapat pada songket sekarang.

Kebanyakan motifnya berbentuk bunga dan saling berhubungkait antara satu sama lain yang dikenali dengan teluk berantai. Antara motif-motif yang paling popular ialah jong sarat, potong wajik, bunga renik-renik dan tampuk manggis. Warna-warna natar yang sering digunakan adalah terdiri dari warna-warna gelap antaranya seperti warna hitam, biru tua, merah darah ikan bagi menyerlahkan sulaman benang emas (plat 15). Biasanya terdapat dalam pakaian wanita dan lelaki terutamanya pada pakaian rasmi atau adat istiadat.

2.3.2.3 Corak Bertabur

Reka corak bertabur ini biasanya ditempatkan pada badan kain. Corak ini membentuk motif yang disungkit secara tunggal dan diatur berjauhan secara berulang-ulang atau pun diselang selikan dengan motif-motif lain. Corak ini menggunakan benang emas yang sedikit dan menjimatkan. Kerjanya lebih mudah berbanding dengan corak bunga penuh. Reka corak ini biasanya didapati pada pakaian perempuan dan lelaki. Reka coraknya diatur secara berulang-ulang dalam berbagai-bagai bentuk seperti ulangan bata, serong dan berselang-seli (rujuk plat 16a, 16b, 16c).

2.3.2.4 Susunan Bercorak

Pada asasnya motif-motif yang digunakan dalam songket adalah sama cuma corak susun aturnya sahaja yang berbeza. Biasanya songket bercorak ini mengandungi motif-motif yang sama dengan susunan bertabur dan corak penuh cuma yang membezakannya ialah kedudukan motifnya. Motif-motifnya diatur

dalam ruang-ruang tertentu sahaja. Ruang-ruang ini terdapat dalam berbagai bentuk seperti berdiri, melintang, siku keluang dan tapak catur. Dalam ruang ini sahaja terdapat motif yang kadang-kadang terdapat pada kepala kain.

2.3.2.4.1 Corak Berdiri

Corak ini biasanya terdapat pada badan atau kepala kain. Kain ini selalu terdapat dalam reka corak kain sarung dan sampin. Motif-motif songket terdapat dalam ruangan berdiri sahaja manakala bahagian lain adalah kosong (rujuk plat 17).

2.3.2.4.2 Corak Melintang

Corak ini sama sahaja dengan corak berdiri cuma motifnya didapati dalam ruangan yang melintang. Corak ini juga terdapat pada kain sarung serta sampin dan juga pada selendang (rujuk plat 18).

2.3.2.4.3 Siku Keluang

Corak siku keluang ini adalah seperti bentuk zig-zag yang biasanya diletakkan pada bahagian kepala kain terutamanya terdapat pada sampin dalam bentuk berdiri (rujuk plat 19).

2.3.2.5 Tapak Catur atau Corak Bugis


Reka corak ini adalah gabungan dari corak kain yang berpetak-petak yang ditambah dengan motif songket samada dalam ruangan kotak atau ditengah-tengah garisan petak. Lazimnya tedapat dalam reka bentuk sampin seperti dalam plat 20.

2.3.2.6 Limar Songket / Songket Limar


Fabrik jenis ini merupakan hasil tenunan Melayu yang paling lengkap dan mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat Melayu yang terpancar nilai-nilai kesenian yang tinggi serta kepakaran yang luar biasa. Kain ini dipakai oleh kaum kerabat diraja sahaja dan berkembang di istana Melayu khususnya di Pantai Timur. Proses pembuatannya yang paling rumit dan memakan masa yang sangat panjang untuk menyiapkan sesuatu pakaian. Fabrik ini merupakan khazanah Melayu yang sangat bernilai dan mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi yang mana tidak lagi diusahakan kini disebabkan prosesnya yang memerlukan kepakaran serta ketelitian penenun. Fabrik ini terbentuk hasil dari gabungan kain limar diselang-selikan dengan tenunan songket bagi menyerlahkan lagi penampilannya. Proses pembuatanya agak rumit dimana benang emas atau perak digabungkan dengan pencorakan pakan ikat benang biasa yang kompleks melalui proses ikat celup warna. Fabrik jenis ini dipanggil songket limar jika benang emasnya lebih banyak memenuhi kain tersebut dan sebaliknya dipanggil Limar songket apabila limarnya lebih banyak menghiasi kain tersebut berbanding dengan benang emas (rujuk plat 21).



Plat 11 Cindai



Plat 12 Corak Limar



Plat 13 Limar Bersurat




Plat 14 Tenunan Berselit Benang Emas



Plat 15 Songket Corak Bunga Penuh



Plat 16a Susunan Bercorak Ulang Batu




Plat 16b Susunan Bercorak Serong




Plat 16c Susunan Bercorak Berselang-seli



Plat 17 Songket Corak Berdiri




Plat 18 Songket Bercorak Melintang



Plat 19 Songket Bercorak Siku Keluang



Plat 20 Corak Tapak Catur



Plat 21 Corak Limar Songket

2.4 Kesimpulan

Hasil tenunan Melayu mempunyai kelebihannya tersendiri dan berbeza dari tekstil-teksil dari luar. Perbezaan yang nyata terdapat pada reka coraknya yang disusun dengan penuh perlambangan khususnya pada kain sarung. Keseluruhan kain tenunan ini mempunyai reka corak yang lengkap iaitu terdiri dari badan kain, kepala dan kaki yang dipenuhi dengan motif-motif lebat. Manakala bagi tenunan biasa seperti corak Muar, Bugis, Pahang dan sebagainya juga mempunyai kepala kain tetapi kadang-kadang kaki kain tidak dititikberatkan. Bagi kain sarung batik pula samada batik terap atau pelangi, kedudukan kepala kain adalah berbeza dari kain tenun dimana kepala kain diletakkan di sebelah tepi berbanding kain tenun yang kepala kainnya terletak di tengah-tengah kain.

Kehalusan tenunan dan mutu buatan kain sentiasa dijaga dan tidak dibuat sewenang-wenangnya. Selain dari motif dan warna yang sempurna, bahan juga dititikberatkan kerana ia akan memberi kesan pada kualiti kain tersebut. Kebiasaananya kain songket yang kaya dengan benang emas atau perak ditenun bersama benang sutera sahaja. Gabungan kedua-dua benang ini membiaskan kilauan yang menampilkan kemewahan dan keistimewaan kain tersebut. Keindahannya lebih terserlah lagi dengan kelebatan dan kehalusan motifnya, ketelitian buatan serta pemilihan warna dasarnya yang sesuai.

Dari aspek reka bentuk, kain tenunan Melayu sentiasa kekal dalam bentuk asalnya seperti kain selendang, kain panjang atau sarung. Kain-kain ini tidak dipotong sewenangnya untuk membuat baju ataupun seluar sebaliknya ditenun khusus

mengikut fungsi-fungsinya. Manakala kain yang digunakan untuk membuat baju dan seluar dibuat khas dengan perancangan yang sempurna.

Nota

¹ Encik Mohamad bin Hussein merupakan Pengurus Jualan di Pantas Batik dan Songket Enterprise atau dulu dikenali dengan Cik Minah Songket. Temubual telah dijalankan pada 15 hb Jun 1999.

² Puan Halimatun merupakan Penyelia Bahagian Tenunan di Pusat Kraftangan, Rawang, Selangor. Temubual telah dijalankan pada 15 hb. Mac 1999 di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, No. 1, Km 20, Jln. Ipoh – Rawang, Taman Rekreasi Templer, Rawang, Selangor 43000.

³ Peristiwa Cindai merupakan peristiwa tragis yang berlaku pada tahun 1758 M akibat dari perasaan cemburu Raja Long Pandak yang melihat kain cindai di atas kei di rumahnya lalu membunuh isterinya (sepupu Raja Long Ghaffar) tanpa usul periksa dan menghantar mayat isterinya yang tidak berdosa itu kepada mertuanya Raja Legeh di atas gajah. Raja Long Ghaffar membalas dendam dengan mengalahkan Raja Long Pandak dan mengambil alih tompok pemerintahan.

⁴ Encik Mohamad Kamel bin Husesin adalah Pengarah Urusan Pantas Batik dan Songket yang ditemubual pada 15 hb. Jun 1999.